

**PENGURUSAN PENDAPATAN,
KRISIS KEWANGAN DAN CUKAI PENDAPATAN
DI MALAYSIA**

YUSKAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2004

**PENGURUSAN PENDAPATAN,
KRISIS KEWANGAN DAN CUKAI PENDAPATAN
DI MALAYSIA**

oleh

YUSKAR

Tesis yang telah diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah

Jun 2004

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah saya panjatkan kehadiran Allah Yang Maha Kuasa, kerana berkat izin dan ridho-Nya tesis yang bertajuk “Pengurusan Pendapatan, Krisis Kewangan dan Cukai Pendapatan di Malaysia“ ini dapat disiapkan. Tesis ini disiapkan berdasarkan kajian yang dijalankan melalui proses pembelajaran di Universiti Sains Malaysia, dengan tujuan untuk memenuhi keperluan bagi penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Sains Malaysia. Selanjutnya tidak lupa saya menyampaikan shalawat dan salam dengan penuh ikhlas kepada pemimpin kita yang menjadi suri teladan dan kekasih kita, Nabi Besar Muhammad Shalallahu ‘Alaihi Wassallam, semoga Nabi Muhammad SAW. dan keluarga dan sahabat-sahabatnya di tempatkan oleh Allah SWT pada tempat yang sebaik-baiknya, semulia-mulianya dan setinggi-tingginya sebagaimana yang Allah janjikan. Amin...

Pada kesempatan ini saya ingin menyampaikan penghargaan yang setinggi-tingginya dan terima kasih yang sebesar-besarnya kepada Profesor Dato’ Daing Nasir Ibrahim dan Profesor Madya Dr. Fauziah Md. Taib sebagai orang-orang yang telah banyak menanam budi, memberikan tunjuk ajar, memotivasi dan membimbing saya dengan baik dan sempurna, sehingga tesis ini dapat disiapkan tepat pada waktunya.

Penghargaan juga saya sampaikan kepada Profesor Madya Subramaniam dan Dr. Yuserrie Zainuddin, kerana telah memberikan kritikan dan saranan yang sangat membangun, yang beliau-beliau sampaikan mulai semenjak cadangan kajian ini dibentangkan sehingga dilakukan pembentangan ke atas keputusan temuan kajian saya ini. Kritikan dan saranan yang disampaikan amatlah berguna bagi saya dalam melakukan pembedahan dan penyempurnaan, sehingga tesis ini boleh disiapkan dengan hasil yang lebih baik.

Selanjutnya penghargaan juga ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Zainal Ariffin Ahmad dan Profesor Muhamad Jantan, sebagai Timbalan Dekan Rancangan Ijazah Tinggi & Penyelidikan (yang baru dan yang lama) Pusat Pengajian Pengurusan USM, yang telah memberikan berbagai peluang dan kemudahan kepada saya, demi kelancaran dan suksesnya kajian ini dijalankan, sehinggalah hasilnya dapat dilihat dalam bentuk tesis ini.

Penghargaan dan terima kasih yang tulus juga disampaikan kepada Profesor Dato’ Daing Nasir Ibrahim dan Profesor Sjafrizal, MA masing-masing sebagai Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Universiti Sains Malaysia dan Dekan Fakultas Ekonomi Universitas Andalas di Padang, kerana telah memberikan peluang, kemudahan dan sokongan kepada saya untuk boleh mengikuti program pendidikan lanjutan ini dengan baik di Universiti Sains Malaysia dan sehingga dapat menyiapkan tesis atau disertasi ini.

Penghargaan dan terima kasih yang sebesar-besarnya juga saya sampaikan kepada Bapak Direktur *LPIU – QUE Project* Jurusan Akuntansi Fakultas Ekonomi Universitas Andalas di Padang dan Bapak Direktur *CPCU-QUE Project* Departemen Pendidikan Nasional di Jakarta pada khususnya dan Pemerintah Negara Republik Indonesia pada umumnya, kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk mendapatkan beasiswa projek QUE bagi membelanjai kos pendidikan lanjutan (program S3) saya di Universiti Sains Malaysia.

Penghargaan dan terima kasih ini juga saya sampaikan kepada Pengerusi dan kakitangan perpustakaan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) serta Pengerusi dan kakitangan Balai Maklumat BSKL di Pulau Pinang, yang telah memberikan kelulusan, bantuan dan kerjasama yang baik kepada saya dalam usaha pengumpulan data dan maklumat bagi keperluan untuk menjayakan kajian ini. Penghargaan yang sama juga tidak lupa saya sampaikan kepada semua kakitangan perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan bantuan dan kemudahan kepada saya dalam menjayakan kajian ini.

Kemudiannya secara khas terima kasih yang tulus ikhlas ditujukan kepada rakan-rakan mahasiswa seperjuangan pada program doktor dan sarjana di Pusat Pengajian Pengurusan Universiti Sains Malaysia, dan sahabat-sahabat saya di pusat pengajian lainnya, antara lain adalah Bapak Jasman J.Makruf, Bapak Isnurhadi, Bapak Iskandar Majid, Bapak Suhairi, Bapak Tafdil, Bapak Buyung Sarita, Bapak Syahrial Sarif, Bapak Syukri Lukman, Ibu Farida Sarkawi, DR. Rahmat Budiarto, DR. Anton Abdulbasah Kamil, dan DR. Johan Arief, serta sesiapa sahaja rakan dan sahabat-sahabat saya lainnya yang tidak dapat disebutkan namanya satu persatu di sini, yang telah memberikan sokongan, bantuan, dan kerjasama yang baik kepada saya sama ada secara langsung mahupun tidak langsung selama saya menjalankan kajian sehingga selesainya tesis ini.

Saya juga tidak dapat melupakan sokongan moral dan pengorbanan daripada isteri tersayang Ernadeli Rais, dan anak-anak saya tercinta Benny Putra Kardeli, Surya Darma Kardeli dan Muhammad Satrya Kardeli yang telah turut mendampingi saya dalam keadaan suka dan duka bersama-sama di USM sepanjang tempoh pengujian saya dijalankan. Begitu juga kepada ibu-bapakku Hj.Fatimah dan H. M.Datuk Paduko Kayo yang sangat saya hormati dan saya cintai, yang selalu memberikan sokongan moral dan do'a restu ke atas usaha dan perjuangan anaknya yang tercinta, semoga beliau dipanjangkan umurnya, dibanyakkan ibadahnya dan sentiasa diberkati Allah hendaknya. Amin.

Akhirnya kepada Allah jua kita mesti berserah diri dan mengabdikan. Semoga Allah SWT. sentiasa meridho'i usaha dan perjuangan serta memberkati kita semua. Amin Amin.. Yaa Robbal 'Allamin.

Pulau Pinang, Jun 2004

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	i
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
ABSTRAK	xiv
GLOSARI	xvii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar belakang masalah	2
1.1.1 Pengurusan pendapatan, agensi teori, dan tadbir urus korporat	2
1.1.2 Krisis kewangan di Malaysia dan pengurusan pendapatan	8
1.1.3 Dasar pelepasan cukai pendapatan dan pengurusan pendapatan di Malaysia	9
1.2 Perumusan masalah	10
1.3 Soalan kajian	13
1.4 Objektif kajian	14
1.5 Sumbangan kajian	16
1.5.1 Sumbangan teoritikal	16
1.5.2 Sumbangan praktikal	17
1.6 Susunan tesis	18
BAB 2 SOROTAN KARYA	20
2.1 Pengenalan	20
2.2 Laporan kewangan dan kegunaannya	20
2.3 Pengurusan pendapatan	22

2.3.1	Andaian asas penyebab timbulnya masalah pengurusan pendapatan	25
2.3.2	Pandangan mengenai masalah pengurusan pendapatan	27
2.3.3	Motivasi pengurusan pendapatan	29
2.3.4	Hubungan motivasi dengan bentuk-bentuk pengurusan pendapatan	34
2.3.5	pengujian terhadap motivasi pengurusan pendapatan	42
2.4	Krisis kewangan di Malaysia dan pengurusan pendapatan	52
2.5	Dasar-dasar percukaian di Malaysia	53
2.5.1	Teori dan asas percukaian	54
2.5.2	Sistem pemungutan cukai	59
2.5.3	Cukai pendapatan di Malaysia	63
2.5.4	Pendapatan bercukai syarikat	64
2.6	Dasar pelepasan cukai pendapatan	65
2.7	Krisis kewangan dan dasar pelepasan cukai pendapatan sebagai motivasi pengurusan pendapatan	66
BAB 3	KERANGKA KERJA DAN HIPOTESIS	75
3.1	Pengenalan	75
3.2	Definisi pembolehubah	75
3.2.1	Analisis statistik deskriptif	75
3.2.2	Analisis statistik dengan persamaan regresi berganda	81
3.3	Hipotesis kajian	85
BAB 4	METODOLOGI	96
4.1	Pengenalan	96
4.2	Kajian empiris	96

4.3	Populasi penyelidikan	96
4.4	Analisis data penyelidikan	99
BAB 5	ANALISIS DAN KEPUTUSAN PENYELIDIKAN TERHADAP PENGURUSAN PENDAPATAN DENGAN MOTIVASI KRISIS KEWANGAN	107
5.1	Pengenalan	107
5.2	Profil populasi	107
5.2.1	Kumpulan berasaskan sektor usaha syarikat	107
5.2.2	Kumpulan berasaskan tahap penyenaian syarikat di bursa saham Kuala Lumpur	108
5.2.3	Kumpulan berdasarkan kepada tahun permulaan penyenaian syarikat di bursa saham Kuala Lumpur	109
5.2.4	Kumpulan berasaskan tarikh pelaporan kewangan syarikat	110
5.2.5	Kumpulan jumlah hasil berasaskan sektor pada pelaporan kewangan tempoh 1998	111
5.2.6	Kumpulan jumlah aset berasaskan sektor pada pelaporan kewangan tempoh 1998	115
5.3	Pemeriksaan data	119
5.4	Analisis data dan pengujian hipotesis	121
5.4.1	Statistik deskriptif penyelidikan	122
5.4.2	Model Jones Piawai (<i>Standard Jones Model</i>)	130
5.4.2.1	Analisis statistik dengan persamaan regresi berganda jumlah akrual	130
5.4.2.2	Pengujian hipotesis pengurusan pendapatan berasaskan ramalan akrual kewenangan dengan kaedah pengujian Z-statistik	137
5.4.3	Model Jones Terubahsuai (<i>modified Jones Model</i>)	142
5.4.3.1	Analisis statistik deskriptif persamaan regresi berganda jumlah akrual	142
5.4.3.2	Pengujian hipotesis pengurusan pendapatan	

	berasaskan ramalan akrual kewenangan dengan kaedah pengujian Z-statistik	147
	5.4.3.3 Perbandingan Model Jones piawaian dan Model Jones terubahsuai	150
5.5	Pembuktian hipotesis	153
BAB 6	ANALISIS DAN KEPUTUSAN PENYELIDIKAN TERHADAP PENGURUSAN PENDAPATAN DENGAN MOTIVASI PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN	159
6.1	Pengenalan	159
6.2	Statistik deskriptif penyelidikan	159
6.3	Model Jones Piawaian (<i>Standard Jones Model</i>)	168
6.3.1	Analisis statistik persamaan regresi berganda jumlah akrual	168
6.3.2	Pengujian hipotesis pengurusan pendapatan berasaskan ramalan akrual kewenangan dengan kaedah pengujian Z-statistik	172
6.4	Model Jones Terubahsuai (<i>Modified Jones Model</i>)	175
6.4.1	Analisis statistik deskriptif persamaan regresi berganda jumlah akrual	175
6.4.2	Pengujian hipotesis pengurusan pendapatan berasaskan ramalan akrual kewenangan dengan kaedah pengujian z-statistik	179
6.5	Perbandingan Model Jones piawai dan Model Jones terubahsuai	180
6.6	Pembuktian hipotesis	182
Bab 7	PERBINCANGAN	191
7.1	Pengenalan	191
7.2	Ulasan dan interpretasi keputusan kajian terhadap pengurusan pendapatan dengan motivasi krisis kewangan	192
7.3	Ulasan dan interpretasi kajian terhadap pengurusan pendapatan dengan motivasi pelepasan cukai pendapatan	196

7.4	Ulasan dan interpretasi keputusan kajian mengenai Pengurusan pendapatan tempoh 2000 dengan pola menyamaratakan pendapatan dan mengkaji pengaruh pengurusan pendapatan tempoh 1999 terhadap pelporan pendapatan tempoh 2000	201
Bab 8	KESIMPULAN	206
8.1	Temuan Kajian	206
8.2	Implementasi kajian bagi pihak-pihak yang berkuasa untuk mengambil keputusan sehubungan dengan amalan pengurusan pendapatan	207
8.3	Batasan kajian	209
8.4	Cadangan kajian lanjut	211
8.5	Kesimpulan kajian	212
	RUJUKAN	215

SENARAI JADUAL

		Muka Surat
Jadual 2.1	Ringkasan kajian terdahulu mengenai pengujian pengurusan pendapatan	43
Jadual 5.1	Kumpulan berasaskan sektor usaha syarikat	108
Jadual 5.2	Kumpulan berasaskan tahap penyenaian syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur	109
Jadual 5.3	Kumpulan berasaskan tahun awal disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur	110
Jadual 5.4	Kumpulan berasaskan tarikh pelaporan syarikat	111
Jadual 5.5	Kumpulan jumlah hasil berasaskan sektor pada pelaporan kewangan tempoh 1998	112
Jadual 5.5a	Kumpulan Jumlah Hasil Berasaskan sektor pada pelaporan kewangan tempoh 1998 setelah ujian normality dan mengambilkira outlier	114
Jadual 5.5b	Perbandingan data asal jumlah hasil berbanding dengan data yang sudah mengambilkira outlier	115
Jadual 5.6	Kumpulan jumlah aset berasaskan sektor pada pelaporan kewangan tempoh 1998	116
Jadual 5.6a	Kumpulan jumlah aset berasaskan sektor pada pelaporan kewangan tempoh 1998 setelah ujian normaliti dan mengambilkira outlier	118
Jadual 5.6b	Perbandingan data asal jumlah aset berbanding dengan data yang sudah mengambilkira outlier	119
Jadual 5.7	Perubahan akrual, pendapatan, hasil dan aliran tunai operasi - Model Jones Piawai	124
Jadual 5.8	Deskriptif analisis persamaan regresi berganda jumlah akrual tempoh peramalan (1993-1996) – Model Jones Piawai	134
Jadual 5.9	Deskriptif analisis persamaan regresi berganda jumlah akrual untuk tempoh-tempoh kejadian berbanding dengan tempoh peramalan (1993-1999)-Model Jones Piawai	136
Jadual 5.10	Perbandingan nilai akrual kewenangan terpiawai (V_{ip}) dan	

	Z-statistik – dengan Model Jones Piawai (s-Jm)	140
Jadual 5.11	Deskriptif analisis persamaan regresi berganda jumlah akrual tempoh peramalan (1993-1996)-Model Jones Terubahsuai	144
Jadual 5.12	Deskriptif analisis persamaan regresi berganda jumlah akrual untuk tempoh-tempoh kejadian berbanding dengan tempoh peramalan (1993-1999)- Model Jones Terubahsuai (m-Jm)	145
Jadual 5.13	Perbandingan nilai akrual kewenangan piawaian (V_{ip}) dan Z-statistik – dengan Model Jones Terubahsuai (m-Jm)	148
Jadual 5.14	Perbandingan keputusan analisis Model Jones Piawai dan model Jones terubahsuai – Amalan pengurusan pendapatan semasa krisis kewangan 1998 (Bagi Tempoh Peramalan 1993-1996)	152
Jadual 5.15	Perbandingan keputusan analisis Model Jones Piawai dan Model Jones Terubahsuai – Amalan pengurusan pendapatan semasa krisis kewangan 1998 , Bagi Tempoh 0 (1998)	153
Jadual 6.1	Perubahan akrual, pendapatan, hasil dan aliran tunai operasi - Model Jones Piawai (1995-2000)	161
Jadual 6.2	Deskriptif analisis persamaan regresi berganda jumlah akrual tempoh peramalan (1994-1997) – Model Jones Piawai	170
Jadual 6.3	Deskriptif analisis persamaan regresi berganda jumlah akrual untuk tempoh-tempoh kejadian berbanding dengan tempoh peramalan (1994-2000)-Model Jones Piawai	171
Jadual 6.4	Perbandingan nilai akrual kewenangan terpiawai atau “ <i>standard prediction error</i> (V_{ip})” – Model Jones Piawai	174
Jadual 6.5	Deskriptif analisis persamaan regresi berganda jumlah akrual tempoh peramalan (1994-1997)-Model Jones Terubahsuai	176
Jadual 6.6	Deskriptif analisis persamaan regresi berganda jumlah akrual untuk tempoh-tempoh kejadian berbanding dengan tempoh peramalan (1994-2000)- Model Jones Terubahsuai	178
Jadual 6.7	Perbandingan nilai akrual kewenangan terpiawai (V_{ip}) dan Z-statistik – dengan Model Jones terubahsui	180
Jadual 6.8	Perbandingan keputusan analisis Model Jones Piawai dan model Jones terubahsuai – Amalan pengurusan pendapatan semasa pelepasan cukai Pendapatan Tempoh 1999 (Bagi Tempoh Peramalan 1994-1997)	181

Jadual 6.9	Perbandingan keputusan analisis Model Jones Piawai dan model Jones terubahsuai – Amalan pengurusan pendapatan semasa pelepasan cukai (bagi tempoh 0 -1998)	182
Jadual 7.1	Senarai ringkasan pengujian hipotesis	204

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 5.1	Perubahan-perubahan akrual, pendapatan dan aliran tunai operasi tempoh 1994-1999	128
Rajah 5.2	Perbandingan anggaran kesalahan terpiawai dan akrual kewenangan selama tempoh pemerhatian (1993-1999) – Model Jones piawai (s-Jm)	141
Rajah 5.3	Perbandingan anggaran kesalahan terpiawai dan akrual kewenangan selama tempoh Pemerhatian (1993-1999) – Model Jones Terubahsuai (m-Jm)	149
Rajah 6.1	Perubahan-perubahan akrual, pendapatan dan aliran tunai operasi tempoh 1995-2000	167

SENARAI LAMPIRAN

		Muka Surat
A	Nama-nama syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang menjadi populasi kajian	227
B -1	Keputusan ujian normaliti berbagai komponen pemboleh ubah aset semasa, tunai, jumlah asset, dan lain-lain	237
B -2	Gambar Rajah Keputusan ujian normaliti berbagai komponen pembolehubah aset semasa, tunai, jumlah asset, dan lain-lain	243
C -1	Perbandingan data asal jumlah hasil dengan data yang sudah dilakukan ujian normaliti dan diambil kira outlier	253
C -2	Perbandingan data asal jumlah aset dengan data yang sudah dilakukan ujian normaliti dan diambil kira outlier	258
C-3	Gambar Rajah Perbandingan data asal jumlah hasil dengan data yang sudah dilakukan ujian normaliti dan diambil kira outlier	264
C-4	Gambar Rajah Perbandingan data asal jumlah aset dengan data yang sudah dilakukan ujian normaliti dan diambil kira outlier	268
D-1	Deskriptif nilai purta, media ke atas perubahan akrual, Pendapatan, hasil dan aliran tunai operasi (1994-1999)	271
D-2	Deskriptif ujian-t statistik ke atas perubahan akrual, Pendapatan, hasil dan aliran tunai operasi (1994-1999)	272
E -1	Keputusan analisis regresi jumlah akrual bagi tempoh 1993 –2000 , dengan Model Jones Piawai (<i>s-Jm</i>)	273
E -2	Keputusan analisis regresi jumlah akrual bagi tempoh 1993-2000, dengan Model Jones Terubahsuai (<i>m-Jm</i>)	283
E-3	Gambar Rajah Histogram, Normal P-Plot dan Scatter Plot – Analisis Persamaan Regresi, Residual untuk pengujian Normaliti bagi tempoh 1993-2000, N265 - Dengan Model Jones Piawai	293
E -4	Gambar Rajah Histogram, Normal P-Plot dan Scatter Plot – Analisis Persamaan Regresi, Residual untuk pengujian Normaliti bagi tempoh 1993-2000, N265 - Dengan Model Jones Terubahsuai	306

Jadual F-1	Analisis Z-statistik atas akrual kewenangan terpiawai (V_{ip}) tempoh 1997-1999 & V_{ip} (95/ V_{ip} 93)- dengan Model Jones Piawai ($s-Jm$)	318
Jadual F-2	Analisis Z-statistik atas akrual kewenangan terpiawai (V_{ip}) tempoh 1997-1999 & V_{ip} (95/ V_{ip} 93)- dengan Model Jones Terubahsuai($m-Jm$)	325
Jadual F-3	Analisis Z-statistik atas akrual kewenangan terpiawai (V_{ip}) tempoh 1998-2000 & V_{ip} (96/ V_{ip} 94)- dengan Model Jones Piawai ($s-Jm$)	332
Jadual F.4	Analisis Z-statistik atas akrual kewenangan terpiawai (V_{ip}) tempoh 1997-1999 & V_{ip} (96/ V_{ip} 94)- dengan Model Jones Terubahsuai ($m-Jm$)	337

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menguji dan memperolehi bukti sama ada amalan pengurusan pendapatan (*earnings management*) wujud di Malaysia selama berlakunya keadaan-keadaan khas, yakni pada masa berlakunya krisis kewangan 1998 dan masa berlakunya dasar pelepasan cukai pendapatan tahun 1999. Dengan berlakunya krisis kewangan di rantau Asia, termasuk di Malaysia mulai pertengahan tahun 1997, telah menyebabkan kebanyakan syarikat di Malaysia mengalami kesukaran kewangan dan kerugian sehingga ke tempoh pelaporan kewangan 1998. Dalam keadaan yang demikian dijangka syarikat di Malaysia bermotivasi mengamalkan pengurusan pendapatan bagi tempoh 1998 dengan pola memaksimumkan kos dan kerugiannya (*taking a bath*). Seterusnya dengan adanya dasar pelepasan cukai pendapatan tahun 1999 sebagai akibat perubahan “tahun asas” pengiraan cukai pendapatan dari berasaskan tahun terdahulu menjadi asas tahun semasa, dijangka juga mendorong pihak pengurus syarikat di Malaysia mengamalkan pengurusan pendapatan bagi tempoh pelaporan kewangan 1999 dengan pola memaksimumkan pendapatan (*income maximization*). Analisis kajian dilakukan berasaskan kepada Model Jones Piawai atau *standard Jones model* (Jones, 1991) dan Model Jones Terubahsuai atau *modified Jones model* (Dechow & Sloan, 1995), dengan menggunakan asas pengukuran jumlah akrual luar biasa (*abnormal total accruals*) dan akrual kewenangan (*discretionary accruals*). Kajian ini dilakukan ke atas 295 syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), yang memenuhi syarat pengambilan populasi, di antaranya adalah syarikat bukan kewangan dan mempunyai data kewangan yang lengkap dalam pelaporan kewangan mulai tahun 1992 sehingga 2000. Setelah kajian dijalankan, keputusan analisis statistik memberikan bukti kukuh bahawa syarikat di Malaysia telah mengamalkan pengurusan pendapatan bagi tempoh berlakunya krisis kewangan 1998 dengan pola memaksimumkan kos dan kerugian (*taking a bath*). Selanjutnya juga telah diperolehi bukti kukuh bahawa pihak pengurus syarikat di Malaysia mengamalkan pengurusan pendapatan bagi tempoh 1999 dengan pola memaksimumkan pendapatan (*income maximization*) yang dimotivasi oleh adanya dasar pelepasan cukai pendapatan 1999. Kajian ini juga menemukan bukti bahawa syarikat di Malaysia telah mengamalkan pengurusan pendapatan bagi tempoh 2000, dengan pola menyamaratakan pendapatan (*income smoothing*) yang dijangka disebabkan oleh keadaan kewangan yang sudah semakin membaik selepas adanya

usaha-usaha membaikpulih ekonomi yang terjejas akibat krisis kewangan berlaku sebelumnya dan juga dijangka disebabkan oleh pengaruh amalan pengurusan pendapatan tempoh 1999. Sumbangan kajian, implikasi kajian, dan cadangan kajian lanjut juga telah dikemukakan dan dibincang dalam kajian ini.

EARNINGS MANAGEMENT, FINANCIAL CRISIS AND INCOME TAX IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study examines evidence on earnings management during specific conditions in Malaysia. During the Asian financial crisis in 1997, many Malaysian companies experienced financial problems and losses until the financial reporting period of 1998. In this situation, it is assumed that Malaysian companies were motivated to apply earnings management in the period of 1998 by 'taking a bath'. Furthermore, with the exemption of income tax in 1999 and a change in tax regime under which the tax assessment of a particular year was changed from previous year's income to current year's income, it can motivate companies to manage earnings through income maximization in the financial report of 1999. Analysis of the study was done based on "the Standard Jones Model" (Jones, 1991) and "the Modified Jones Model" (Dechow & Sloan, 1995) by using abnormal total accruals and discretionary accruals measurements. The study was done on 295 companies listed on the Kuala Lumpur Stock Exchange that fulfilled the requirements of sample selection from the population of non-financial companies and having complete financial data in the financial reporting since 1992 until 2000. Statistical analysis shows that there is strong evidence that Malaysian companies had applied earnings managements in 1998, evidently motivated by the financial crisis through taking a bath, and again had applied earnings managements in 1999 by income maximization in the financial report of 1999, evidently motivated by the income tax exemption in 1999. As expected the study also found evidence of earnings management in the year 2000 when the economic condition was recovering. Subsequently the implications and contribution of the study as well as further research in the area are discussed.

GLOSARI

Beberapa istilah dan kependekkan (akronim) yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

A	Jumlah aset (<i>total assets</i>)
AAA	Aplikasi perakaunan agresif (<i>aggressive accounting application</i>)
ABA	Perakaunan akrual atau perakaunan berasaskan akrual (<i>accrual- basis accounting</i>)
ABC	Perakaunan tunai atau perakaunan berasaskan tunai (<i>cash-basis accounting</i>)
ACHB	Ringkasan laporan tahunan syarikat (<i>annual company handbook</i>)
AE	Ketidakseimbangan maklumat (<i>asymmetry of information</i>)
AIA	Perlunasan aset tak ketara (<i>amortization of intangible assets</i>)
AP	Pemiutang atau pihak pemberi pinjaman (<i>Account Payable / creditor</i>)
AR	Laporan kewangan tahunan (<i>annual report</i>)
AS	Piawai perakaunan (<i>accounting standard</i>)
ASEAN	<i>Association of South East Asian Nation</i>
AT	Teori agensi (<i>agency theory</i>)
ATO	Aliran tunai operasi (<i>operating cash flow</i>)
BL	Dasar panduan (<i>base line</i>)
Bogey	Had atau batas terendah jumlah bonus dalam suatu rancangan peruntukan bonus atau ganjaran pendapatan pekerja atau pegawai
BS	Kunci kira-kira (<i>balance sheets</i>)
BSc	Skim bonus (<i>bonus scheme</i>)
BSKL	Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) atau <i>Kuala Lumpur stock exchange</i>
CA	Aset semasa (<i>current asset</i>)

Cap	Had atau batas tertinggi jumlah pendapatan untuk memperoleh bonus dalam suatu rancangan peruntukan bonus atau ganjaran pendapatan pekerja atau pegawai
CM	Motivasi kontrak (<i>contracting motivations</i>)
CMC	Motivasi pasaran modal (<i>capital market motivation</i>)
CMLTD	Hutang jangka panjang segera akan matang (<i>Current maturity of long term debt</i>)
D	Penghutang atau pihak yang diberi pinjaman (<i>debtor</i>)
DA	Akrua kewenangan atau akrua dengan pertimbangan sendiri oleh pihak pengurus (<i>discretionary accruals</i>)
DC	Kepatuhan kepada kontrak perjanjian hutang (<i>debt covenants</i>)
DE	Susut nilai aset tetap (<i>depreciation of fixed assets</i>)
E	Pendapatan (<i>earnings</i> atau <i>income</i>)
EBT	Pendapatan bersih sebelum cukai (<i>Earnings before taxes</i>)
EM	Pengurusan pendapatan (<i>earnings management</i>)
EOI	Pendapatan atau keuntungan yang tidak biasa (<i>extra ordinary item</i> atau <i>unusual gains</i>)
ET	Residual regresi atau ralat kesalahan (<i>error term</i>)
FA/PPE	Aset tetap (<i>fixed asset</i> atau <i>property, plant, and equipment / FA</i>)
IM	Memaksimumkan pendapatan (<i>income maximization</i>)
IPO	Penawaran modal saham pertama kali di bursa (<i>initial public offerings</i>)
IS	Penyata pendapatan (<i>income statement</i>)
ISmt	Menyama-ratakan pendapatan (<i>income smoothing</i>)
ITP	Hutang cukai pendapatan (<i>income taxes payable</i>)
LHDN	Lembaga hasil dalam negeri iaitu badan kerajaan yang berkuasa dalam menentukan dan mengutip cukai
LNASET	Jumlah aset yang sudah dinormaliti (<i>Log natural total asset</i>)
LNHSL	Jumlah hasil yang sudah dinormaliti dengan log (<i>Log natural revenues</i>)

M	Purata (<i>mean</i>)
MB	Papan utama (<i>main board</i>)
M-Jm	Model Jones terubahsuai (<i>modified Jones model</i>)
NDA	Akruai bukan kewenangan atau akruai bukan dengan pertimbangan sendiri oleh pengurus (<i>non-discretionary accruals</i>)
PE	Ramalan ralat kesalahan (<i>prediction error</i>)
PAPA	Perubahan akruai yang dinormalisasi atau perubahan akruai tempoh semasa dibahagi dengan jumlah aset tempoh terdahulu
PATOPA	Perubahan aliran tunai operasi yang dinormalisasi atau perubahan aliran tunai tempoh semasa dibahagi dengan jumlah aset tempoh terdahulu
PEBTPA	Perubahan pendapatan yang dinormalisasi atau perubahan pendapatan tahun semasa dibahagikan dengan jumlah aset tahun terdahulu
PHSLPA	Perubahan hasil yang dinormalisasi atau perubahan hasil tahun semasa dibahagikan dengan jumlah aset tahun terdahulu
R	Hasil (<i>revenue</i>)
R&D	Penyelidikan dan pembangunan (<i>research & development</i>)
SB	Papan kedua (<i>second board</i>)
SFAC	Konsep pelaporan kewangan (<i>statement of financial accounting concept</i>)
S-Jm	Model Jones piawai (<i>standard Jones model</i>)
SPE (V_{ip})	Ramalan ralat kesalahan terpiawai (<i>standardized prediction error</i>)
SPSS	Pakej perisian statistik analisis (<i>statistical package for social science</i>)
TA	Jumlah akruai (<i>total accruals</i>)
TB	Memaksimumkan kos dan kerugian (<i>taking a bath</i> atau <i>big bath</i>)
TRER	Mengatur tempoh pengiktirafan kos dan penghasilan (<i>timing revenues and expense recognition</i>)
TxE	Pelepasan atau pengecualian cukai (<i>taxes exemption</i>)
Vip	Akruai kewenangan terpiawai

B a b 1

PENGENALAN

Pelaporan kewangan bertujuan untuk memberikan maklumat tentang keadaan kewangan, pencapaian, dan perubahan kedudukan kewangan sesebuah syarikat yang bermanfaat bagi sejumlah besar pengguna laporan kewangan dalam proses pengambilan keputusan ekonomi. Tumpuan utama pelaporan kewangan biasanya lebih kepada pemberian maklumat tentang pencapaian pendapatan syarikat berbanding maklumat lainnya. Laporan kewangan tentang pendapatan ini adalah berasaskan kepada perakaunan akrual (*accrual-basis accounting*) yang secara amnya menyediakan satu pertanda yang lebih baik tentang kemampuan semasa daripada syarikat untuk menghasilkan aliran tunai yang menguntungkan di masa hadapan. Asas perakaunan akrual adalah lebih baik berbanding dengan asas perakaunan secara tunai (*cash-basis accounting*) dengan maklumat yang terhad mengenai pengurusan kewangan syarikat menerusi penerimaan dan pembayaran tunai sahaja.

Sebaliknya perakaunan akrual mempunyai beberapa kelemahan, di antaranya adalah: (1) menggunakan nilai taksiran atau andaian, terutamanya untuk kos dan kerugian, sehingga jumlahnya kerap kali tidak tepat dan mungkin sahaja mempengaruhi kualiti laporan kewangan yang dihasilkan; (2) menggunakan polisi, yang mungkin lebih dipengaruhi oleh subjektiviti daripada pihak pengurus, yang kadang kala lebih mengutamakan kepentingan sendiri berbanding dengan kepentingan syarikat dan pengguna laporan kewangan luaran; (3) mengiktiraf hutang-piutang, yang kadang kala tidak boleh atau susah untuk direalisasikan dalam bentuk tunai; (4) menyediakan berbagai alternatif kaedah perakaunan, yang dalam pemilihannya mungkin berasaskan kepada kepentingan pihak pengurus dan boleh menjejaskan kepentingan pihak lainnya; dan (5) pendapatan yang dilaporkan dalam pelaporan

kewangan, sebahagiannya mungkin hanya setakat boleh dilihat (*appearance*), kerana mungkin sahaja pada akhirnya pendapatan tersebut tidak boleh diwujudkan dalam bentuk tunai (Scott, 1997).

Dengan adanya berbagai kelemahan dalam perakaunan yang berasaskan akrual ini memberi peluang bagi berlakunya ‘apa yang dipanggil dengan’ pengurusan pendapatan (*earnings management*). Kajian mengenai pengurusan pendapatan telah banyak dilakukan, terutama di Amerika Syarikat. Pengurusan pendapatan biasanya berlaku kerana adanya situasi-situasi tertentu yang bersifat khas yang mendorong sikap atau perilaku untuk mengamalkan pengurusan pendapatan.

1.1 Latar belakang masalah

1.1.1 Pengurusan pendapatan, teori agensi, dan tadbir urus korporat

Pengurusan pendapatan boleh diertikan sebagai tindakan pihak pengurus untuk melaporkan pendapatan syarikat menerusi laporan kewangan dengan cara memaksimumkan (*income maximization*) atau meratakan (*income smoothing*) untuk beberapa tempoh tertentu atau meminimumkannya (*income minimization*) dari jumlah pendapatan yang sebenar diperolehi. Cara atau bentuk mana yang dipilih oleh pihak pengurus untuk melakukan pengurusan pendapatan kerap bergantung kepada motivasi yang melatarbelakangi mereka untuk melakukannya.

Pengurusan pendapatan berasaskan kepada teori agensi (*agency theory*), dan teori agensi sendiri mempunyai tiga ciri utama yakni: (1) adanya hubungan rasional di antara pemilik (*shareholders*) dengan pihak pengurusan sebagai agen dan semua pihak berusaha memaksimumkan kepentingannya; (2) adanya ketidakseimbangan maklumat (*asymmetry of information*); dan (3) adanya konflik kepentingan (*conflict of interests*) di antara pemilik dan pihak pengurusan. Pengurusan pendapatan boleh

berlaku dengan wujudnya ketiga-tiga ciri utama ini, dan lebih lanjut dapat dijelaskan seperti berikut:

Pertama, pihak pengurus mahu menerima penugasan daripada pihak pemilik syarikat untuk menjalankan operasi syarikat, kerana secara rasional, pekerjaan itu akan memberikan manfaat kepadanya, baik manfaat material berupa gaji dan upah serta pendapatan lainnya, mahupun manfaat lain berupa pengalaman kerja dalam menguruskan syarikat, serta juga untuk memperoleh manfaat lain seperti untuk mendapatkan prestise sebagai seorang ahli korporat, dan lain-lain. Sebaliknya pihak pemilik syarikat secara rasional mahu memberikan kepercayaan dan menugaskan pihak pengurus untuk menjalankan operasi syarikat, kerana ia percaya bahawa dengan kebolehan pihak pengurus, syarikatnya akan dapat maju dan berkembang sebagaimana yang mereka inginkan, dan pada akhirnya dapat lebih mensejahterakan kehidupan ekonomi dan sosial mereka.

Kedua, pihak pengurus yang menjalankan roda operasi syarikat sebagai pihak yang mewakili bagi pihak pemilik, berkewajiban memberikan pertanggungjawaban kepengurusannya kepada pemilik sebagai prinsipal atau orang yang diwakilinya. Salah satu pertanggungjawaban yang perlu dilakukan oleh pihak pengurus adalah pertanggungjawaban kewangan melalui penyusunan laporan kewangan. Dalam penyusunan maklumat untuk pelaporan kewangan ini, pihak pengurus sebagai penyampai maklumat, tentunya mempunyai maklumat yang lebih lengkap dan lebih awal berbanding dengan pihak pemilik dan pengguna laporan kewangan sebagai penerima dan pengguna maklumat. Oleh itu pihak pengurus mungkin akan menyampaikan maklumat kewangan tersebut sesuai dengan keadaan sebenar, atau terlebih dahulu akan mengubahsuai maklumat tersebut bersabit dengan kepentingan pribadinya yang secara rasional akan selalu mereka maksimumkan.

Ketiga, pihak pengurus yang sentiasa berusaha memaksimumkan kepentingannya, kerap kali bercanggah dengan kepentingan pihak pemilik dan pengguna laporan kewangan. Misalnya, pihak pengurus berusaha memaksimumkan kepentingannya dengan cara memaksimumkan pelaporan pendapatan syarikatnya. Usaha untuk memaksimumkan pelaporan pendapatan seperti ini, tentunya tidak lagi sesuai dengan keadaan atau prestasi sebenar, dengan demikian maklumat yang ada dalam laporan kewangan adalah maklumat yang keliru. Sementara itu pihak pemilik syarikat (pemegang saham) dan pihak pengguna lainnya yang menggunakan maklumat kewangan dalam laporan kewangan ini sebagai asas pengambilan keputusan yang berhubung dengan syarikat yang berbabitan. Apabila asas pengambilan keputusan kewangan tersebut adalah laporan kewangan yang diterimanya dari pihak pengurus, yang sebenarnya mengandungi maklumat yang keliru, tentunya keputusan kewangan yang diambil oleh pihak pemilik dan pengguna laporan kewangan lainnya, juga menjadi keputusan yang keliru. Penyusunan laporan kewangan dengan maklumat yang keliru inilah yang dipanggil dengan istilah pengurusan pendapatan (*earnings management*).

Pada asasnya semua pihak berkepentingan dengan maklumat yang tepat dan andal, termasuk pihak pengurus sendiri. Kerana pihak pengurus sangat memerlukan kepercayaan daripada pihak pemilik dan pengguna laporan kewangan, apabila kepercayaan pihak pemilik dan pengguna laporan kewangan sudah tiada atau berkurangan, maka laporan kewangan yang disusun dan disampaikan oleh pihak pengurus kepada pengguna laporan kewangan, tidak ada ertinya lagi, kerana pihak-pihak yang terbabit tidak mahu berhubung dengan syarikat yang diuruskan secara yang tidak baik dan memberikan laporan kewangan yang keliru. Apabila berlaku

keadaan yang demikian, tentunya syarikat tersebut akan mengalami kesukaran dan pada akhirnya akan ditutup.

Untuk mengawal keadaan agar tidak berlaku hal-hal buruk yang akan menjejaskan dan merugikan syarikat, maka pihak pemilik dan pengurus perlu memahami dan melakukan usaha-usaha yang boleh mendorong dan menjamin berlakunya amalan mengenai apa yang dipanggil dengan takbir urus korporat (*corporate governance*), yang pada masa ini, sudah menjadi isu semasa yang semakin penting untuk diperbincangkan.

Bank Pembangunan Asia (*Asian Development Bank*) telah menyenaraikan empat tonggak tadbir urus, iaitu: ketelusan, akauntabiliti, kebolehamalan dan penyertaan (SIDEK, 2002 dalam Ibrahim, 2003). Ketelusan bermakna adanya kemampuan untuk mengakses maklumat yang relevan pada kos yang rendah. Akauntabiliti akan membolehkan tuntutan terhadap pihak yang menjalankan tugas (pihak pengurus) untuk memberikan jawapan terhadap tindakan mereka. Kebolehamalan terhasil daripada kewujudan undang-undang dan peraturan yang jelas, dan diketahui oleh umum terlebih awal dan seterusnya dikuatkuasakan secara setara dan berkesan. Penyertaan pula diperlukan untuk mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai untuk pihak tertentu menyemak perkara sebenar dan bertindak sebagai pengawas. (Ibrahim, 2003).

Apabila pihak pengurus dan semua pihak-pihak yang berkepentingan dengan syarikat boleh memahami makna daripada tadbir urus syarikat dan mengamalkannya dalam segala aktiviti syarikat, semestinya pengurusan pendapatan tidak akan berlaku. Namun sebaliknya apabila pihak-pihak yang bersabit, terutama pihak pengurus tidak memahami dan mengindahkan tadbir urus syarikat, keadaan semacam ini akan

membukakan peluang yang semakin besar untuk berlakunya amalan pengurusan pendapatan.

Selanjutnya, pada keadaan di mana pengamalan tadbir urus korporat masih lemah dan belum menjadi budaya dalam dunia usaha atau dunia perniagaan pada suatu negara, maka pada masa itu pengurusan pendapatan akan menjadi amalan lumrah atau lazim bagi pihak pengurusan. Sebaliknya pemahaman yang baik oleh pihak-pihak yang bersabit, termasuk oleh pihak pengurusan sendiri, terhadap akibat-akibat yang mungkin ditimbulkan oleh adanya amalan pengurusan pendapatan, akan menjadi satu motivasi yang mendorong agar berlakunya amalan tadbir urus yang lebih baik dalam dunia usaha dan pengurusan syarikat.

Menurut Ronen dan Sadan (1981), isu mengenai pengurusan pendapatan selalu menarik untuk diperdebatkan dan khasnya apabila dihubungkan dengan perhatian yang meningkat tentang ketelusan (*transparency*), pengawalan syarikat (*corporate control*), dan pendedahan maklumat kewangan serta maklumat bukan kewangan lainnya (*other financial and non-financial disclosures*). Sehingga kini, pengamalan pengurusan pendapatan sering di pandang sebagai satu amalan tidak etik yang dilakukan oleh pihak pengurus untuk mencapai kepentingan sepihak.

Selanjutnya, sebagaimana dikemukakan oleh Healy dan Wahlen (1999), dan juga oleh Abdul Rahman dan Abu Bakar (2002) bahawa tumpuan utama kajian mengenai pengurusan pendapatan hingga setakat ini adalah usaha untuk mengesan sama ada telah berlaku dan bila berlakunya pengurusan pendapatan. Para pengkaji seperti McNichols dan Wilson (1988), Jones (1991), Bartov (1993), Boynton, Dobbin, dan Plesko (1992), DeAngelo, & Skinner, (1994), Dechow, Sloan, and Sweeney (1995) dan Demski, (1998) telah melakukan pengukuran dan pengujian ke atas

pengurusan pendapatan, apabila berlakunya amalan pengurusan pendapatan adalah didorongkan secara kuat oleh motivasi khas untuk itu.

Ada pelbagai bentuk pengurusan pendapatan yang dapat diamalkan oleh pihak pengurusan di antaranya memaksimumkan pelaporan pendapatan (Bernsten & Wild, 1998), memaksimumkan pelaporan kos dan kerugian (Scott, 1997), meminimumkan pelaporan pendapatan (Jones, 1991), dan menyama-ratakan pelaporan pendapatan (Beattie, Brown, Ewers & Brian, 1994) untuk beberapa tempoh. Bentuk pengurusan pendapatan yang akan diamalkan oleh pihak pengurusan biasanya bergantung kepada motivasi yang melatarbelakangi mereka untuk melakukannya. Seterusnya juga ada pelbagai motivasi atau dorongan kepada pihak pengurus untuk mengamalkan pengurusan pendapatan, di antaranya adalah motivasi kontrak hutang, skim bonus dan dorongan daripada keadaan persekitaran tertentu, seperti adanya perlindungan import, dasar *antitrust*, krisis kewangan dan terdapatnya dasar-dasar tertentu mengenai percukaian.

Dalam keadaan tertentu, di mana syarikat tidak sanggup mengelakkan kerugian, maka biasanya syarikat cenderung untuk memperbesarkan lagi pelaporan kos dan kerugiannya. Hal yang demikian dilakukan dengan cara mengiktiraf dan melaporkan kos dan kerugian lebih awal dari tempoh yang sepatutnya, termasuk menghapuskan aset tetap tertentu dan juga aset tak ketara tertentu (Bernstein & Wild, 1998). Akibat daripada itu kemungkinan kos dan kerugian di masa berikutnya akan terlaporkan dalam jumlah yang minimum, sehingga pelaporan pendapatan pada masa itu akan menjadi maksimum. Hal ini dilakukan oleh pihak pengurusan biasanya dengan tujuan untuk memberikan keuntungan atau kemakmuran dirinya, terutama pada keadaan di mana syarikat memiliki skim bonus dengan ketentuan adanya jumlah

had atas (*cap*) dan had bawah (*bogey*) pendapatan yang mesti diperolehi sebagai persyaratan untuk memperoleh ganjaran berupa bonus.

Sebaliknya dalam keadaan di mana syarikat memperoleh pendapatan dalam skala had atas dan had bawah (*bogey & cap*) pada skim bonus tertentu, maka pengurus cenderung untuk mempengaruhi pelaporan pendapatan agar berada mendekati atau sama dengan jumlah pada *cap*. Demikian pula halnya apabila syarikat berdepan dengan dasar-dasar yang memberi peluang kepadanya dan syarikat untuk meringankan atau meminimumkan kos atau perbelanjaan, seperti dasar kerajaan berkenaan dengan cukai pendapatan, melalui dasar penurunan kadar cukai, dasar pelepasan cukai, terdapatnya kadar cukai degresif, dan lain-lain, maka pengurus syarikat termotivasi atau cenderung untuk melaporkan pendapatan secara maksimum.

1.1.2 Krisis kewangan di Malaysia dan pengurusan pendapatan

Sebagaimana yang dialami oleh negara-negara *Association of South East Asian Nations (ASEAN)* pada pertengahan tahun 1997, Malaysia telah mengalami krisis kewangan. Dalam keadaan yang demikian kebanyakan syarikat akan mengalami kesukaran kewangan dan kerugian yang tidak boleh dielakkan, terutama sekali bagi syarikat yang mempunyai hutang luar negara dan komponen industri impor yang besar.

Dalam keadaan demikian, pihak syarikat akan termotivasi untuk memaksimumkan lagi kos dan kerugiannya, dengan cara mengiktiraf kos-kos dan kerugian pada tempoh yang akan datang menjadi kos dan kerugian yang dilaporkan dalam tempoh semasa. Seperti kos iklan, kos penyelidikan dan pembangunan (*R&D*), kerugian hutang lapok, susut nilai hartanah atau aset tetap, perlunasan aset tak ketara, penurunan nilai stok (*inventory*) dan sebagainya. Dengan melakukan cara-cara yang demikian tentunya mereka juga berharap untuk boleh melaporkan pendapatan yang

lebih besar pada tempoh yang akan datang, sehingga membolehkan mereka untuk mendapatkan penghasilan berupa gaji dan bonus yang lebih besar pula.

Bagi syarikat-syarikat yang sedang bermasalah, seperti adanya aset tetap yang menganggur atau tidak digunakan secara optimal, adanya hutang lapok, stok usang atau rosak dan lain-lain, pada masa krisis kewangan berlaku tentunya juga mempunyai peluang untuk melakukan pembersihan (*written off*) keatas permasalahan tersebut, dengan cara memaksimumkan pelaporan kos dan kerugian, sama ada cara yang dilakukan pihak pengurus tersebut selari dengan kaedah perakaunan dan peraturan perundang-undangan yang sedia ada ataupun tidak.

1.1.3 Dasar pelepasan cukai pendapatan dan pengurusan pendapatan di Malaysia

Sebagai salah satu strategi menghadapi krisis kewangan, kerajaan Malaysia telah mencadangkan untuk memperkemas sistem pentadbiran percukaian negara yang sedia ada, khasnya mengenai cukai pendapatan. Cadangan ini telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dalam Ucapan Belanjawan Negara 1999 pada tarikh 23 Oktober 1998. Di dalam peraturan cukai yang sedia ada, cukai dikira dengan sistem taksiran yang berasaskan pendapatan tahun terdahulu. Hal ini bermakna bahawa cukai pendapatan yang mesti dibayar oleh syarikat pembayar cukai dalam tahun semasa adalah ke atas pendapatan yang diperolehnya dalam tahun sebelumnya, sebaliknya cukai ke atas pendapatan dalam tahun semasa, baru akan dikira dan dibayarkan pada tahun hadapan. Peraturan ini kemudian diubah kepada sistem cukai yang berasaskan kepada pendapatan tahun semasa dan berkuatkuasa mulai tahun 2000.

Selari dengan pindaan terhadap undang-undang cukai tersebut, dan untuk meringankan beban atau kewajipan cukai syarikat agar tidak membayar beban cukai

dua tahun sekaligus dalam tempoh 2000, maka kerajaan Malaysia telah memberikan pelepasan cukai ke atas pendapatan syarikat dalam tempoh 1999. Ini bermakna bahawa dalam tempoh 2000, syarikat pembayar cukai hanya berkewajipan membayar cukai pendapatan bagi pendapatan yang diperolehi dalam tempoh 2000 sahaja.

Dengan adanya dasar pengecualian cukai bagi pendapatan tahun 1999, yang diumumkan pada 23 Oktober 1998, maka tidak mustahil syarikat-syarikat di Malaysia akan berusaha memanfaatkan peluang yang ada. Manfaat maksimum akan diperolehi sekiranya sesebuah syarikat melaporkan pendapatan yang lebih besar dalam tempoh 1999, sementara pendapatan tersebut tidak dikenakan beban cukai pendapatan.

Melihat situasi yang berlaku di Malaysia, di mana kebanyakan syarikat dimiliki dan diuruskan oleh sesebuah keluarga (keluarga besar), di mana pemisahan di antara pihak pemilik dan pihak pengurusan tidak begitu jelas. Dalam keadaan yang demikian dasar pelepasan cukai pendapatan boleh memberikan motivasi lebih kuat kepada pihak pengurusan yang sekaligus juga menjadi pihak pemilik syarikat untuk bersama-sama mengamalkan pengurusan pendapatan.

1.2 Pernyataan masalah

Laporan kewangan berfungsi sebagai media untuk menyampaikan maklumat kewangan dari pihak pengurusan kepada pihak-pihak pengguna laporan kewangan, yang selanjutnya akan digunakannya sebagai asas pengambilan keputusan kewangan. Oleh itu pihak pengurusan semestinya menyusun laporan kewangan berasaskan urusanniaga dan prestasi kewangan sebenar dalam syarikatnya. Pihak pengurus sentiasa berharap boleh melaporkan prestasi kewangan yang semakin baik pada setiap tempoh pelaporan kewangan. Prestasi kewangan yang semakin baik yang dilaporkan dalam laporan kewangan boleh memperkukuhkan peringkat syarikatnya pada pandangan

daripada pihak-pihak pengguna laporan kewangan, seperti para pelabur, para pemiutang (kreditor/bank), syarikat pembekal, syarikat pelanggan dan sebagainya.

Situasi sebaliknya akan berlaku, apabila keadaan ekonomi dipengaruhi oleh krisis kewangan yang berlaku di Asia termasuk di Malaysia, yang telah menjejaskan prestasi kewangan syarikat-syarikat di Malaysia, sehingga banyak syarikat yang mengalami kesukaran kewangan dan tidak mempunyai keupayaan untuk mengelakkan kerugian.

Kebiasaannya yang berlaku adalah apabila syarikat tidak boleh mengelakkan kerugian yang disebabkan oleh berlakunya keadaan tertentu, maka pihak pengurus syarikat akan bermotivasi untuk memaksimumkan lagi pelaporan kos dan kerugiannya. Dengan demikian, krisis kewangan yang berlaku dapat menjadi salah satu keadaan yang dijangka boleh memotivasi berlakunya usaha-usaha untuk memaksimumkan kos dan kerugian (*taking a bath*).

Keadaan yang demikian terutama berlaku bagi syarikat-syarikat yang sedang mempunyai masalah rekod dan pelaporan kewangan asset dan komponen kos lainnya, seperti terdapatnya syarikat-syarikat yang sedang memiliki stok usang atau rosak, banyaknya hutang lapok, aset tetap yang rosak dan tak terpakai, dan lain-lain. Oleh itu, laporan kewangan yang disusun dalam tempoh berlakunya krisis kewangan, boleh digunapakai untuk melakukan pembersihan pembukuan atau akaun terhadap aset dan komponen kos yang bermasalah tersebut.

Seperti yang dikatakan oleh Bernsten dan Wild (1998), bahawa cara yang diamalkannya untuk memaksimumkan kos dan kerugian itu adalah dengan mengiktiraf dan melaporkan kos dan kerugian lebih awal dari tempoh yang sepatutnya, termasuk menghapuskan aset tetap tertentu dan juga aset tak ketara tertentu. Pola memaksimumkan kos dan kerugian (*taking a bath*) seperti inilah yang

dijangka telah diamalkan oleh syarikat-syarikat di Malaysia dalam pelaporan kewangan semasaberlakunya krisis kewangan tempoh 1998.

Sebaliknya dasar kerajaan Malaysia untuk melepaskan atau mengecualikan cukai pendapatan tempoh 1999, juga dijangka boleh menjadi motivasi bagi pihak pengurusan syarikat di Malaysia untuk melakukan amalan pengurusan pendapatan, dengan cara memaksimumkan pelaporan pendapatan (*income maximization*) dalam laporan kewangan tempoh 1999. Dasar pelepasan cukai pendapatan tempoh 1999 dibuat oleh kerajaan sebagai amalan lanjut daripada berlakunya pindaan terhadap Akta Cukai berkenaan dengan asas pengiraan cukai daripada berasaskan pendapatan tahun terdahulu menjadi berasaskan kepada pendapatan tahun semasa. Untuk tujuan mengelakkan agar syarikat mesti melakukan tanggungjawab pembayaran cukai sebanyak dua kali ganda dalam tempoh 2000, maka cukai pendapatan ke atas pendapatan tempoh 1999 perlu dikecualikan atau dilepaskan.

Jangkaan berlakunya amalan pengurusan pendapatan yang didorong oleh dasar pelepasan cukai pendapatan ini adalah merujuk kepada kajian terdahulu yang dilakukan oleh Guenther (1994), mengenai Tax Reform Act 1986 (TRA 1986) di Amerika Syarikat, yang melakukan penurunan kadar cukai pendapatan dari 46 peratus kepada 34 peratus. Dasar ini telah terbukti menjadi satu motivasi bagi pengurus syarikat di Amerika Syarikat untuk mengamalkan pengurusan pendapatan.

Jangkaan pengamalan pengurusan pendapatan oleh syarikat-syarikat di Malaysia adalah juga selari dengan data mengenai keadaan pendapatan atau keuntungan syarikat di Malaysia pada tahun 1998 dan tahun 1999. Hasil kajian Ibrahim dan Sanda (2000), yang menggunakan data sampel sebanyak 336 syarikat dalam sembilan sektor di Malaysia, menyatakan bahawa dalam tahun 1998 pada amnya laporan kewangan syarikat di Malaysia menunjukkan kerugian yang cukup

besar, yakni secara keseluruhan mencapai jumlah RM 12.74 billion, sementara dalam tahun 1999 telah berbalik dengan menunjukkan keuntungan sebesar RM 4.06 billion.

Perubahan kenaikan pendapatan yang sangat besar dalam tahun 1999 berbanding dengan tahun 1998, mungkin disebabkan oleh amalan pengurusan pendapatan yang dilakukan oleh pihak pengurus syarikat di Malaysia di samping kerana adanya berbagai dasar kerajaan Malaysia dalam usaha mengawal krisis kewangan yang berlaku.

Berasaskan huraian-huraian di atas maka dapat dikemukakan beberapa rumusan masalah kajian seperti berikut:

1. Amalan pengurusan pendapatan boleh menjejaskan kualiti laporan kewangan. Sementara itu laporan kewangan yang berkualiti amat diperlukan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) untuk digunapakai sebagai asas pengambilan keputusan kewangan.
2. Amalan pengurusan pendapatan amnya berlaku dalam situasi-situasi yang bersifat khas. Krisis kewangan yang berlaku di Malaysia dijangka boleh memotivasi pihak pengurus syarikat di Malaysia untuk mengamalkan pengurusan pendapatan.
3. Dengan adanya dasar pelepasan cukai pendapatan tempoh 1999 sebagai akibat daripada berlakunya perubahan peraturan atau undang-undang cukai tentang tempoh asas pengiraan cukai di Malaysia, dijangka boleh menjadi satu motivasi kuat kepada pihak pengurusan syarikat Malaysia untuk mengamalkan pengurusan pendapatan.

1.3 Soalan kajian

Merujuk kepada huraian dan rumusan masalah di atas, maka dapat dikemukakan beberapa persoalan kajian seperti berikut:

1. Situasia-situasi khas yang bagaimana boleh mendorong perilaku pihak pengurus untuk mengamalkan pengurusan pendapatan?
2. Adakah pihak pengurus syarikat di Malaysia mengamalkan pengurusan pendapatan dalam tempoh krisis kewangan tahun 1998, dengan cara memaksimumkan kos dan kerugian yang dilaporkannya dalam laporan kewangan (*taking a bath*)?
3. Adakah pihak pengurus syarikat di Malaysia mengamalkan pengurusan pendapatan dalam masa berlakunya dasar pelepasan cukai pendapatan tempoh 1999, dengan cara memaksimumkan pendapatan yang dilaporkannya dalam laporan kewangan (*income maximization*)?
4. Adakah krisis kewangan yang berlaku dan dasar pelepasan cukai pendapatan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia, merupakan situasi-situasi yang bersifat khas yang boleh menjadi motivasi utama bagi berlakunya pengurusan pendapatan pada syarikat Malaysia dalam tempoh 1998 dan tempoh 1999?
5. Adakah pihak pengurusan syarikat-syarikat yang memperolehi laba yang besar dalam tempoh 2000 - sebagai akibat positif dari usaha-usaha membaik pulih ekonomi selepas krisis kewangan - akan mengamalkan pengurusan pendapatan dalam tempoh 2000 dengan pola menyamaratakan pendapatan (*income smoothing*). Disamping itu apakah ada kesan negatif dari pada amalan pengurusan pendapatan tempoh 1999 terhadap pelaporan kewangan pada tempoh 2000?

1.4 Objektif kajian

Kajian ini dilakukan dengan maksud untuk mencapai beberapa tujuan seperti berikut:

1. Mencari tahu atau mengenalpasti situasi-situasi khas yang boleh mendorong sikap atau perlakuan pengurus untuk mengamalkan pengurusan pendapatan;
2. Mendapatkan bukti sama ada pihak pengurus syarikat di Malaysia mengamalkan pengurusan pendapatan semasa krisis kewangan dalam tempoh 1998, dalam bentuk memaksimumkan pelaporan kos dan kerugiannya (*taking a bath*);
3. Mendapatkan bukti sama ada pihak pengurus syarikat di Malaysia mengamalkan pengurusan pendapatan semasa berlakunya penguatkuasaan dasar pelepasan cukai pendapatan tempoh 1999, dalam bentuk memaksimumkan pelaporan pendapatan (*income maximization*);
4. Mendapatkan bukti bahawa krisis kewangan yang berlaku dan dasar pelepasan cukai pendapatan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia telah menjadi motivasi utama bagi berlakunya pengurusan pendapatan oleh pihak pengurusan syarikat-syarikat di Malaysia dalam tempoh 1998 dan tempoh 1999;
5. Mendapatkan bukti tentang berlakunya amalan pengurusan pendapatan dengan pola menyamaratakan pendapatan (*income smoothing*) dalam pelaporan kewangan pada tempoh 2000, yang dimotivasi oleh keadaan ekonomi yang sudah pulih dan semakin baik selepas berlakunya krisis dan usaha-usaha membaik pulihnya. Selanjutnya melihat pengaruh daripada amalan pengurusan pendapatan pada tempoh 1999 terhadap pelaporan pendapatan tempoh 2000.

1.5 Sumbangan kajian

1.5.1 Sumbangan teoritikal

Setiap kajian yang dilakukan dengan baik oleh pengkajinya, diharapkan boleh memberikan beberapa sumbangan pemikiran atau sumbangan secara teoretikal, dan sehubungan dengan itu maka :

1. Kajian ini diharapkan boleh memperkukuhkan dan memperkembangkan teori agensi dengan cara mengenalpasti situasi-situasi khas yang menyebabkan berlakunya masalah-masalah agensi (*agency problems*), terutama sekali yang berkaitan dengan pengurusan pendapatan;
2. Kajian ini diharapkan juga boleh mendorong kepada pengamalan tadbirurus syarikat yang lebih baik, dengan cara melakukan amalan-amalan sihat guna mencegah berlakunya pengurusan pendapatan, terutamanya pada ketika didapati situasi-situasi khas yang mendorong berlakunya amalan pengurusan pendapatan;
3. Kajian ini dijangka merupakan kajian terawal yang telah cuba mengkaji berlakunya amalan pengurusan pendapatan untuk dua situasi khas yang dijangka boleh mendorong pihak pengurus mengamalkannya. Maksudnya, kajian ini akan mengkaji berlakunya amalan pengurusan pendapatan semasa tempoh krisis kewangan 1998 dengan pola memaksimumkan pelaporan kos dan kerugian (*taking a bath*), kemudian dilanjutkan dengan kajian berlakunya pengurusan pendapatan dalam tahun 1999 dengan motivasi dasar pelepasan cukai pendapatan dengan pola memaksimumkan pelaporan pendapatan (*income maximization*).
4. Kajian ini juga dijangka menjadi kajian terawal yang melihat dan menganalisis kemungkinan berlakunya amalan pengurusan pendapatan dengan

pola menyamaratakan pendapatan (*income smoothing*) selepas dijalankannya berbagai usaha untuk membaik pulih ekonomi yang terjejas akibat berlakunya krisis kewangan sebelumnya, disamping itu juga menganalisis pengaruh yang ditimbulkan oleh adanya amalan pengurusan pendapatan yang berlaku sebelumnya (1999) terhadap pelaporan pendapatan tempoh 2000.

1.5.2 Sumbangan praktikal

Di samping boleh memberikan sumbangan teoretikal, maka satu kajian yang baik juga diharapkan boleh memberikan sumbangan praktikal, untuk digunapakai bagi pihak-pihak yang terbabit, seperti pada kajian ini maka pengkajinya mengharapkan agar kajian ini:

1. Boleh menjadi sumber maklumat bagi pihak berkuasa dalam badan profesional perakaunan untuk membuat atau menyusun piawai perakaunan yang lebih baik, sehingga boleh meminimumkan atau mengelakkan terdapatnya peluang bagi pihak pengurusan syarikat untuk mengamalkan pengurusan pendapatan.
2. Boleh menjadi sumber maklumat bagi pihak kerajaan sesebuah negara, khususnya kerajaan Malaysia. Dengan ada kajian ini, pihak kerajaan diharapkan boleh melakukan tindakan-tindakan yang dapat menutup peluang bagi berlakunya amalan pengurusan pendapatan, seperti: (a) memberikan pengawalan yang lebih baik terhadap aturan-aturan berkaitan dengan penyusunan laporan kewangan pada masa berlakunya krisis kewangan, terutamanya dalam hal penghadan terhadap unsur-unsur dan jumlah kos yang boleh diambilkira dan melaporkannya dalam laporan kewangan syarikat, (b) mempertimbangkan dengan sebaik-baiknya mengenai perlu atau tidak perlunya penguatkuasaan dasar-dasar percukaaian tertentu, dan mengkaji

kesan-kesan yang mungkin akan berlaku dikemudiannya yang boleh menjejaskan kepentingan negara dan masyarakat.

1.6 Susunan tesis

Secara keseluruhan tesis ini berisikan lapan bab dengan organisasi yang meliputi hal-hal seperti berikut:

Bab dua berikutan ini akan membincangkan tentang ulasan karya. Perbincangan di sini akan melibatkan huraian tentang laporan kewangan dan kegunaannya, pengurusan pendapatan dan berbagai aspek yang terkait, krisis kewangan yang berlaku di Malaysia dan hubungannya dengan pengurusan pendapatan, dasar-dasar percukaian di Malaysia, dasar pelepasan cukai pendapatan dan hubungannya dengan pengurusan pendapatan di Malaysia. Di dalam bab tiga akan dihuraikan perkara-perkara yang berkaitan dengan kerangka kerja kajian dan hipotesis, huraian di sini meliputi definisi pembolehubah, analisis deskriptif, analisis induktif dan perangkaan untuk membangun delapan belas buah hipotesis yang akan diuji dalam kajian ini. Berikutnya di dalam bab empat, dihuraikan perkara-perkara yang menyangkut metodologi kajian, huraian meliputi meliputi pengujian terhadap motivasi pengurusan pendapatan, kajian empirikal, populasi penyelidikan dan analisis data penyelidikan.

Bab lima menghuraikan tentang analisis dan keputusan penyelidikan terhadap pengurusan pendapatan dengan motivasi krisis kewangan. Huraian di sini meliputi tentang ciri-ciri atau propil populasi, analisis data yang berupa deskriptif hasil penyelidikan, analisis statistik dengan menggunakan model Jones piawai dan model Jones pengubahsuaian. Kedua-dua model ini mengandungi analisis statistik persamaan regresi berganda, pengujian hipotesis dengan menggunakan kaedah Z-statistik, dan pembuktian hipotesis mengenai pengurusan pendapatan dengan

motivasi krisis kewangan. Di dalam bab enam akan dihuraikan pula tentang analisis dan keputusan penyelidikan terhadap pengurusan pendapatan dengan motivasi pelepasan cukai pendapatan bagi pendapatan yang diperolehi dalam tahun 1999. Huraian terdiri dari statistik deskriptif penyelidikan, analisis statistik dengan menggunakan model Jones piawai (*s-Jm*) dan model Jones terubahsuai (*m-Jm*), yang masing-masingnya berisi analisis statistik persamaan regresi berganda, pengujian hipotesis dengan menggunakan kaedah Z-statistik, dan pembuktian hipotesis.

Bab tujuh merupakan bab perbincangan kajian, iaitu membincangkan keputusan kajian dengan lebih mendalam dengan mengkaitkannya dengan kajian-kajian terdahulu. Huraian dibahagi ke dalam tiga kelompok utama, iaitu ulasan dan interpretasi kajian mengenai amalan pengurusan pendapatan dengan motivasi krisis kewangan bagi tempoh 1998, ulasan dan interpretasi keputusan kajian mengenai amalan pengurusan pendapatan dengan motivasi pelepasan cukai pendapatan bagi tempoh 1999, dan akhirnya ulasan dan interpretasi keputusan kajian mengenai kesan daripada amalan pengurusan pendapatan sebelumnya terhadap pelaporan pendapatan tempoh 2000 termasuk kemungkinan amalan pengurusan pendapatan yang didorongkan oleh berlakunya kesan positif dari usaha membaik pulih ekonomi selepas berlakunya krisis kewangan. Tesis ini diakhiri dengan pembentangan bab lapan yang mengandungi kesimpulan kajian. Kesimpulan akan meliputi keseluruhan kajian yang terdiri daripada penemuan kajian, implikasi kajian, had atau batasan kajian, cadangan kajian lanjut dan kesimpulan.

Bab 2

SOROTAN KARYA

2.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan pendapatan termasuk laporan kewangan sebagai sumber data dan maklumat untuk menentukan sama ada berlaku atau tidaknya pengurusan pendapatan. Dengan demikian huraian di sini akan meliputi: Laporan kewangan dan kegunaannya, pengurusan pendapatan, bentuk pengurusan pendapatan, krisis kewangan, hubungan di antara krisis kewangan dengan pengurusan pendapatan, dasar percukaian di Malaysia, dasar pelepasan cukai pendapatan di Malaysia, berikutnya hubungan di antara dasar pelepasan cukai pendapatan dengan pengurusan pendapatan di Malaysia.

2.2 Laporan kewangan dan kegunaannya

Laporan kewangan adalah media untuk mempertanggungjawabkan pengurusan operasi oleh pihak pengurus ke atas sumberdaya syarikat yang dimiliki oleh para pemilik atau pelabur. Laporan pendapatan adalah bahagian dari laporan kewangan yang menjadi maklumat utama untuk mengukur prestasi atau pencapaian pengurus (Belkaoui, 2000).

Sebagaimana disebut dalam *Statement of Financial Accounting Concept (SFAC)* nombor 1 (Scott, 1997), maklumat pendapatan pada amnya merupakan perhatian utama dalam menaksir prestasi atau pertanggungjawaban pengurus dan maklumat pendapatan untuk membantu pemilik atau pelabur ataupun pihak lain dalam melakukan jangkaan ke atas kemampuan memperoleh pendapatan (*earning power*) syarikat di masa hadapan. Oleh itu dalam penyusunan laporan kewangan semestinya alternatif pengukuran perakaunan dievaluasi atau diambil kira dalam kaitan

kemampuannya untuk menjangkakan peristiwa yang akan terjadi, sehubungan dengan kepentingan daripada si pembuat keputusan (Bernstein & Wild, 1998).

Terdapat berbagai kegunaan laporan kewangan oleh pihak-pihak yang berkepentingan atau pengguna laporan kewangan tersebut, seperti yang dikemukakan dalam Prinsip-Prinsip Akuntansi Indonesia atau PAI 94 (IAI, 1994). Bahawa laporan kewangan akan berguna oleh pelbagai pihak seperti berikut:

1. Pihak pelabur memerlukan maklumat kewangan untuk membantunya menentukan sama ada akan membeli, mempertahankan, ataupun menjual pelaburannya yang sedia ada. Selain itu juga untuk menilai kemampuan syarikat untuk membayar dividen untuk tempoh semasa dan tempoh yang akan datang;
2. Pihak pekerja atau perkumpulan pekerja yang mewakilinya tertarik pada maklumat stabiliti dan keuntungan syarikat. Maklumat ini juga diperlukan untuk menilai kemampuan syarikat dalam memberikan balas jasa atau ganjaran kepada pekerja berupa gaji dan bonus, manfaat pencen, dan peluang bekerja dalam tempoh jangka panjang.
3. Pihak pemiutang (*creditor*) tertarik dengan maklumat kewangan yang memungkinkan mereka untuk memutuskan sama ada pinjaman serta faedahnya dapat dibayar oleh pihak syarikat pada waktu matangnya;
4. Pihak pembekal atau penyedia barangan dan pemiutang lainnya tertarik dengan maklumat kewangan yang memungkinkan mereka untuk memutuskan sama ada meluluskan atau tidak rayuan pembelian secara kredit daripada pihak syarikat, serta menjangkakan adakah syarikat mampu membayar hutangnya pada tempoh matangnya.

5. Pelanggan yang berkepentingan dengan maklumat mengenai kelangsungan hidup syarikat, terutama jika mereka terlibat dalam perjanjian kontrak jangka panjang atau yang bergantung kepada syarikat yang terbabit;
6. Kerajaan dan berbagai lembaga kerajaan berkepentingan dengan peruntukan sumber-sumber negara. Mereka juga memerlukan maklumat bagi mengatur aktiviti syarikat, menetapkan dasar-dasar percukaian, dan sebagai asas dalam menyusun statistik pendapatan dan belanjawan negara, dan statistik lainnya;
7. Masyarakat umum yang berkepentingan terhadap sejauhmana syarikat boleh memberikan sumbangannya kepada masyarakat persekitarannya, dan perekonomian nasional pada umumnya. Laporan kewangan dapat membantu masyarakat dengan cara menyediakan maklumat mengenai kecenderungan dan perkembangan mutakhir daripada kemakmuran syarikat dan aktiviti.

Sebagaimana yang diketahui bahawa laporan kewangan terdiri dari beberapa jenis laporan, iaitu: kunci kira-kira, penyata pendapatan, dan laporan aliran tunai dan nota atas laporan kewangan. Daripada pelbagai jenis laporan kewangan tersebut, kebiasaannya pelabur lebih memberi tumpuan perhatian kepada maklumat pendapatan yang terdapat pada penyata untung-rugi, tanpa mengambil kira prosedur yang digunakan oleh pihak pengurus untuk menghasilkan maklumat pendapatan tersebut. Oleh itu, keadaan yang demikian juga boleh mendorong pihak pengurusan untuk mengamalkan pengurusan pendapatan atau manipulasi pendapatan (Beattie, 1994).

2.3. Pengurusan pendapatan

Pengurusan pendapatan boleh berlaku apabila terbuka peluang yang boleh memotivasi sikap dan kelakuan pihak pengurusan untuk lebih memaksimumkan

kepentingannya sebagaimana yang banyak dibincang dalam teori agensi dan tadbir urus korporat. Pengurusan pendapatan berhubungan dengan banyak hal, seperti berhubungan dengan konsep perakaunan akrual, konsep motivasi, mengutamakan kepentingan sendiri dan moral hazard, konsep amalan dan budaya korporat, sikap pengguna laporan kewangan, berikut dengan bentuk dan cara-cara pengamalan pengurusan pendapatan itu sendiri.

Konsep perakaunan akrual membolehkan urus niaga diiktiraf dan direkod, walaupun belum terealisasikan dalam bentuk tunai, sehingga timbul masalah hutang-piutang. Konsep perakaunan akrual juga membolehkan pembayaran tunai direkod sebagai harta dan bukan sebagai kos, sehingga timbul masalah aset tetap dan susut nilai aset tetap; adanya kos ditangguhkan dan kos dibayar dimuka (*deferred cost and prepaid expenses*), sehingga timbul masalah asset tak ketara dan perlunaan asset tak ketara. Kemudian juga ada dan tersedianya berbagai kaedah dan piawai dalam konsep perakaunan, yang membolehkan pihak pengurusan memilih kaedah dan piawai perakaunan yang secara rasional bersesuaian dengan kepentingannya. Berbagai permasalahan yang dikandung dalam perakaunan akrual ini telah memberi peluang bagi berlakunya pengurusan pendapatan.

Pengamalan pengurusan pendapatan akan dilakukan oleh pihak pengurusan, apabila ada motivasi yang mendorongnya untuk melakukannya. Misalnya ada motivasi bonus, motivasi kontrak kompensasi, motivasi pasaran saham, motivasi cukai dan sebagainya.

Pengurusan pendapatan juga berkaitan dengan moral hazard, kerana ketika pihak pengurusan mengamalkan pengurusan pendapatan, maka ketika itu pula adanya ancaman moral daripada pihak pengurusan yang melakukan tindakan yang boleh merugikan kepentingan pihak pengguna laporan kewangan, seperti pemegang saham,

pelabur, pemiutang, pembekal dan pihak kerajaan berkaitan dengan tanggungjawab kewangan yang mesti dijalankan oleh pihak pengurus.

Selanjutnya Schipper (1989) telah mendefinisikan pengurusan pendapatan, sebagai campur tangan pihak pengurus dengan tujuan tertentu dalam proses pelaporan kewangan luaran (*external*). Tujuan tertentu yang dimaksudkan ialah agar mereka memperolehi beberapa manfaat atau keuntungan yang berkaitan dengan kepentingan diri sendiri, dengan melaporkan maklumat dalam laporan kewangan yang bercanggah dengan proses operasi yang jujur.

Bertitik-tolak dari definisi pengurusan pendapatan tersebut lebih jauh boleh dijelaskan, bahawa pihak pengurus yang melakukan operasi syarikat dan melaporkan pencapaiannya melalui media laporan kewangan kepada berbagai pihak (*stakeholders*) yang diwakilinya, sentiasa bertindak rasional dengan melaporkan prestasi yang terbaik demi memenuhi kepentingannya dan kepentingan pihak-pihak yang diwakilinya. Namun demikian, teori agensi mengatakan bahawa kerap berlaku konflik kepentingan di antara pihak pengurus sebagai agen dan pihak pengguna laporan kewangan sebagai pemilik dan pemiutang (*stakeholders*).

Dalam keadaan berlakunya konflik kepentingan seperti yang demikian, tentunya pihak pengurus terlebih dahulu akan berusaha memenuhi kepentingan diri sendiri, kemudiaan baru akan memenuhi kepentingan pihak-pihak yang diwakilinya, dan tidak jarang berlaku di mana pihak pengurus berusaha memenuhi kepentingannya dengan mengabaikan bahkan menjejaskan kepentingan pihak pengguna laporan kewangan.

Hal yang demikian amat memungkinkan untuk berlaku, kerana pihak pengurus mempunyai maklumat yang lebih awal dan lebih banyak dan lebih awal mengenai aktiviti-aktiviti apa sahaja yang telah dilakukannya dan situasi-situasi bagaimana

sahaja yang telah berlaku dalam syarikatnya, berbanding dengan pihak pengguna laporan kewangan sebagai penerima maklumat dari pihak pengurusan itu sendiri.